

Jadi 'burung hantu' demi perniagaan

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

► Serdang

Berjaga malam menjadi tabiat kebanyakan pelajar jurusan seni bina kerana perlu menyiapkan pelbagai projek rekaan.

Tiga sekawan pelajar Bacelor Seni Bina Landskap Universiti Putra Malaysia (UPM) iaitu Najihah Mohd Jais, Sharifah Ainan AlQadree Syed Amran dan Atikah Ahmad kekurangan tidur bukan sahaja kerana menyiapkan tugas, tetapi kerana mereka turut menghasilkan produk jualan dengan memanfaatkan kemahiran seni reka dimiliki.

Atas dasar itu juga, logo, beg, penanda buku dan buku nota dipasarkan mereka dengan jenama *Wise Art Design* kebanyakannya menggunakan imej burung hantu yang terkenal dengan tabiat berjaga malam.

Najihah berkata, produk dipasarkan menerusi laman sosial Instagram serta gerai

jualan yang dibuka bersempena dengan pameran dalam kampus mendapat sambutan memberangsangkan kerana menggunakan konsep minimalis dan turut disertakan petikan kata motivasi.

"Kami sepakat mengusahakan perniagaan ini bukan sahaja untuk menambah duit kocek tetapi juga melihat ia sebagai inisiatif menajamkan kemahiran dan berkongsi bakat dimiliki dengan orang ramai.

"Ia juga cara yang baik bagi mengurangkan tekanan menyiapkan projek rekaan termasuk menerusi petikan kata-kata motivasi yang disertakan dalam rekaan seperti *Keep Calm and Design* serta *Sleep Less and Dream More*," katanya.

Tempahan pukal

Najihah berkata, produk yang dijual pada harga antara RM1 hingga RM30 itu berjaya mencatat purata jualan RM700 sebulan dengan kebanyakan pelanggan membuat tempahan pukal buku nota serta penanda buku.

Beliau berkata, bagi meningkatkan hasil jualan, mereka turut memasarkan produk minuman dan cenderahati



Buku nota antara produk jualan **WiseArt Design** yang mendapat sambutan hangat.

“**KAMI SEPAKAT MENGUSAHAKAN PERNIAGAAN INI BUKAN SAHAJA UNTUK MENAMBAH DUIT KOCEK TETAPI JUGA MELIHAT IA SEBAGAI INISIATIF MENAJAMKAN KEMAHIRAN DAN BERKONGSI BAKAT DIMILIKI DENGAN ORANG RAMAI**”

Najihah Mohd Jais,
Pelajar Bacelor Seni Bina Landskap UPM

yang didapati daripada pembekal.

Katanya, inisiatif mengusahakan perniagaan secara sambilan itu memberi mereka pendedahan awal cabaran dunia perniagaan termasuk melayani pelbagai ragam dan kerenah pelanggan serta bijak memberi keutamaan terhadap perkara berkaitan kerana menghadapi kekangan masa.

Beliau berkata, perniagaan itu akan diteruskan walaupun setelah mereka tamat pengajian dan membina kerjaya dalam bidang seni bina kerana ia dilak-

sana berdasarkan minat dan memberi kepuasan tersendiri.

"Keuntungan didapati daripada perniagaan kecil-kecilan ini dapat mengurangkan beban keluarga dalam menyara pengajian kami kerana mampu berdikari mencari wang perbelanjaan.

"Namun, maklum balas pelanggan yang suka dengan rekaan kami serta mendapat suntikan semangat daripada petikan kata-kata motivasi yang disertakan melahirkan perasaan gembira yang tidak dapat diungkapkan," katanya.



Sharifah Ainan (kanan) menyiapkan rekaan pada beg sambil diperhatikan Najihah.